

**FIQH HADITH IBNU KHALDUN**  
**KEPIMPINAN AL-ASABIYYAH AL-GHALIBAH DALAM POLITIK**  
**[FIQH HADITH IBNU KHALDUN**  
**LEADERSHIP OF AL-ASABIYYAH AL-GHALIBAH IN POLITICS]**

**Ahmad Izzuddin Abu Bakar**

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

**Abstrak**

Di dalam *al-Muqaddimah*, Ibnu Khaldun mengutarakan *Fiqh al-Hadith* kepimpinan *al-Asabiyyah al-Ghalibah* (Bangsa Berpengaruh) dalam politik. Ia berpandukan kepada hadith-hadith keturunan Quraisy sebagai ketua negara. Menurutnya, 'illah daripada nas tersebut ialah kedudukan Quraisy sebagai puak paling berpengaruh membolehkannya mendapatkan ketaatan rakyat dan mengekalkan keamanan. Ia dinamakan *al-Asabiyyah al-Ghalibah*. Athar daripada Abu Bakar RA menguatkan pendapat ini: 'Sesungguhnya kamu mengetahui bahawa golongan ini daripada kabilah Quraisy mempunyai kedudukan di sisi orang Arab yang tidak ada pada selain mereka. Dan sesungguhnya Arab tidak akan berhimpun melainkan di atas seorang lelaki daripada mereka'. Orang Melayu menepati ciri *al-Asabiyyah al-Ghalibah* memandangkan kedudukan sebagai majoriti, pengiktirafan etnik lain dan penguasaan dalam institusi penting. Ia juga bertepatan dengan *Maslahah* (Kepentingan Umum) dan *Sadd al-Zarai'* (menutup jalan) yang merupakan dalil syarak dengan menjamin kedudukan Islam di Malaysia daripada ancaman. Ia bukannya *al-Asabiyyah* terlarang kerana maksud istilah itu ialah membantu bangsa di atas kezaliman.

**Kata Kunci:** Hadith, Fiqh Hadith, Ibnu Khaldun, *al-Asabiyyah al-Ghalibah*, Bangsa Berpengaruh, Politik Malaysia.

**Abstract**

In *al-Muqaddimah*, Ibnu Khaldun remarks *Fiqh al-Hadith* of the leadership of *al-Asabiyyah al-Ghalibah* (Influential Race) in politics. It is based on the hadith of the Quraisy descendent as a leader of a country. According to him, 'illah from the *nas* is the position of the Quraisy as the most influential races that capable them to gain their obedient and maintain peacefulness. This is called as *al-Asabiyyah al-Ghalibah*. Athar from Abu Bakar RA supported this opinion: 'Indeed, you know that this people is from the tribe of the Quraisy that has a special position among the Arabs while others don't. And indeed. The Arabs will not gathers unless on a man from the tribe'. Malay meets the characteristic of *al-Asabiyyah al-Ghalibah* since they are the majority, recognized by other races and the domination in important institutions. It is also aligned with the *Maslahah* (Public Interest) and *Sadd al-Zarai'* (Prohibition of Misconduct) which is the proposition in ensuring that there are no threats to the position of Islam in Malaysia. It is not a forbidden *al-Asabiyyah* since the meaning of the phrase is assisting the races from oppression.

**Keywords:** Hadith, Fiqh Hadith, Ibnu Khaldun, *al-Asabiyyah al-Ghalibah*, Influential Race, Malaysia Politic.

## 1. PENDAHULUAN

Ibnu Khaldun adalah pengarang terkenal *Al-‘Ibar Wa Diwan Al-Mubtada’ Wa Al-Khabar Fi Ma’rifat Ayyam Al-‘Arab Wa Al-‘Ajam Wa Al-Barbar Waman ‘Asarahum Min Zawi Al-Sultan Al-Akbar*. Ia mengupas sejarah kerajaan-kerajaan dari sudut yang berbeza dan sangat unik. Melalui karya ini, Timur dan Barat menobatkannya sebagai bapa dan pengasas ilmu sosiologi.

Selain daripada sejarawan, ahli politik dan pentadbir, beliau adalah ilmuan shariah sehingga dilantik sebagai Ketua Hakim bagi penganut mazhab Maliki di Mesir. Pada zaman tersebut, hakim adalah seorang faqih yang menguasai kaedah pengeluaran hukum (*qawaid al-istinbat*) dan memahami cabang-cabang ilmu agama yang luas secara mendalam.

Walaupun bagaimanapun, pendapat dan tafsiran Ibnu Khaldun terhadap hadith-hadith yang digunakan dalam penghujahannya kurang mendapat perhatian para pengkaji bidang hadith. Lebih-lebih lagi, salah satu fiqh al-Hadith yang dikemukakan iaitu konsep *al-Asabiyyah al-Ghalibah*; amat berkait rapat dan boleh menjadi asas kepada struktur politik dan pemerintahan negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia.

Makalah ini akan menonjolkan Ibnu Khaldun sebagai tokoh yang perlu diberi perhatian dalam menghuraikan maksud hadith. Ia turut mengketengahkan konsep *al-Asabiyyah al-Ghalibah* dari perspektif hadith sebagai bahan untuk kajian seterusnya terutama kajian-kajian yang mempraktikkannya dalam realiti politik Malaysia. Selain itu, makalah ini menunjukkan konsep *al-Asabiyyah al-Ghalibah* adalah salah satu *fiqh al-hadith* atau pendapat fekah (*al-Aqwal al-Fiqhiyyah*) yang terhasil dengan *qawaid al-istinbat* daripada nas-nas syarak.

Kajian menggunakan metodologi keperpustakaan dengan meneliti kaedah *istinbat* Ibnu Khaldun daripada hadith-hadith Nabi SAW dalam mengemukakan konsep *al-Asabiyyah al-Ghalibah* daripada *al-Mukaddimah* iaitu bahagian pertama buku *Al-‘Ibar Wa Diwan Al-Mubtada’ Wa Al-Khabar Fi Ma’rifat Ayyam Al-‘Arab Wa Al-‘Ajam Wa Al-Barbar Waman ‘Asarahum Min Zawi Al-Sultan Al-Akbar*. Tulisan-tulisan yang menghuraikan maksud *al-Asabiyyah al-Ghalibah* mengikut pandangan Ibnu Khaldun turut dirujuk untuk memahami konsep tersebut dengan lebih terperinci dan tepat. Selain itu, beberapa dalil-dalil yang dinyatakan oleh pengkaji kontemporari tetapi tidak disebut oleh Ibnu Khaldun akan turut dimuatkan untuk menguatkan konsep yang dikemukakan.

## 2. RIWAYAT HIDUP

Ibnu Khaldun dilahirkan pada tahun 732 hijrah di Tunisia. Tapak rumah kelahirannya masih dikenali yang terletak di Jalan Turbah al-Bay di Bandar Lama. Sekarang, lokasi tersebut telah didirikan bangunan Sekolah Tinggi Pengurusan. Pada pintu masuk tergantung papan tanda bertulis ‘Tempat Kelahiran Ibnu Khaldun’ (Ali, 1984).

Beliau meninggal pada 26 Ramadhan tahun 808 hijrah secara mengejut pada umur 76 tahun. Menurut al-Sakhawi, beliau dikebumikan di perkuburan sufi di luar Bab al-Nasr. Al-Maqrizi menyatakan kuburnya terletak di kawasan kubur orang-orang ternama pada kurun ke 8 di luar Bab al-Nasr di sebelah al-Raidaniyyah (sekarang ini ialah Abbasiyyah) (Ali, 1984).

Sumber primer biodata Ibnu Khaldun adalah buku mengenai dirinya yang dikarang oleh beliau berjudul *al-Takrif Bi Ibn Khaldun Wa Rihlatuhu Gharban Wa Syarqan*. Nama penuh ialah Abdul Rahman bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin al-Hasan bin Muhammad bin Jabir bin Muhammad bin Ibrahim bin Abdul Rahman bin Khaldun (Ibnu Khaldun, 1979). Dikenali dengan Ibnu Khaldun bersempena dengan nenek moyangnya

Khalid bin Uthman yang merupakan orang terawal daripada keluarganya yang berhijrah ke Andalus. Menurut sebutan penduduk Andalus dan Maghrib, mereka menambah huruf “Wau” di hujung nama sebagai tanda penghormatan. Sebagai contoh, Zaid akan ditambah huruf “Wau” maka ia akan berbunyi Zaidun (Ali, 1984).

Keturunannya di Andalus dan Maghrib dinamakan dengan Bani Khaldun. Ramai orang-orang terkenal daripada keturunan ini yang meletakkan Ibnu Khaldun di hujung nama mereka. Walaupun begitu, apabila disebut Ibnu Khaldun, orang ramai tidak mengenalinya melainkan Ibnu Khaldun yang mengarang *al-Muqaddimah* (Ali, 1984).

Ibnu Hazm yang hidup pada tahun 300 hijrah telah menyebut nama Bani Khaldun dalam bukunya *Jamharah Ansab al-Arab*. Beliau telah menyebut satu-persatu nenek moyang mereka sehingga sampai kepada Wail bin Hujr seorang Sahabat Nabi SAW. Beliau ialah sahabat terkenal yang meriwayatkan 70 hadith (Ibn Hazm al-Andalusi, n.d).

Ibnu Khaldun dibesarkan oleh seorang bapa yang gemar kepada ilmu pengetahuan dan menjauhkan diri daripada politik tidak seperti adik beradik yang lain. Beliau seorang yang berpengetahuan dalam fekah, bahasa arab, syair dan ilmu-ilmu bahasa. Pengajian Ibnu Khaldun dimulakan dengan menghafal al-Quran, memahiri tajwid dan qiraat seperti mana lazim pada zaman itu. Beliau belajar daripada ulamak tempatan dan ulamak yang berpindah daripada Andalus selepas kejatuhannya kepada Kristian (Hani Muhammad, 2012).

Ibnu Khaldun telah mempelajari al-Quran dengan Qiraat Tujuh dan Qiraat Yaakub bin Ishaq. Beliau berkata: “aku dilahirkan di Tunisia dan aku dididik oleh bapaku hingga dewasa, dan aku telah membaca al-Quran Karim di hadapan Abu Abdillah Muhammad bin Said bin Bural al-Ansari” (Ibnu Khaldun, 1979). Beliau turut mempelajari ilmu-ilmu syariah seperti tafsir, hadith, fekah maliki dan tauhid. Dalam masa yang sama, beliau mempelajari ilmu-ilmu bahasa arab seperti nahu, sorof, balaghah dan sastera. Kemudiannya, beliau mempelajari mantik, falsafah, ilmu-ilmu alam dan matematik (Ali, 1984).

Pada tahun 749 hijrah ketika berumur 18 tahun, wabak taun yang dahsyat melanda wilayah-wilayah Islam daripada Samarqand sehingga Arab Maghrib. Ia turut terkena Itali dan sebahagian besar negara Eropah. Ibu bapa dan semua guru-guru Ibnu Khaldun telah meninggal dunia kerana penyakit itu. Peristiwa ini memberi kesan yang besar kepada usahanya menimba ilmu. Beliau berkata: “semenjak aku membesar dan aku mencapai dewasa dengan bergelumbang dalam mencari ilmu dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kelebihan-kelebihan, berpindah-randah di antara majlis-majlis ilmu dan halaqahnya, hingga berlakunya taun yang besar yang membinasakan tokoh-tokoh, semua guru-guru dan kematian ibu bapaku, semoga Allah merahmati mereka” (Ibnu Khaldun, 1979).

Keinginan menuntut ilmu semakin sukar apabila para ulamak Tunisia yang terselamat daripada wabak berhijrah bersama Sultan Bani Marin Abu al-Hasan ke Maghribi. Pada mulanya beliau berhasrat untuk menyertai mereka tetapi dihalang oleh abang sulungnya Muhammad. Tragedi ini mengubah haluan hidupnya sehingga memaksa beliau terjun ke dalam politik dan pentadbiran negara (Ali, 1984).

Pada zaman Ibnu Tafrakin memerintah negeri-negeri Arab Maghrib, Ibnu khaldun dilantik sebagai *Katib al-‘Allamah* iaitu orang yang menulis *Alhamdulillah wa al-Shukru lillah* dan seumpamanya dengan pena yang besar di atas kepala surat perintah diraja. Ia memerlukan kemahiran menulis dan bahasa. Suatu hari, Ibnu Khaldun menyertai pasukan Ibnu Tafrakin dalam perang menentang Abu Zaid cucu kepada Sultan Abu Yahya. Pasukannya tewas yang memaksanya melarikan diri seterusnya berpindah randah sehingga sampai ke Biskarah suatu kawasan di Algeria. Ketika itu, beliau berkahwin dengan seorang gadis dari keluarga yang tinggal di daerah Qusanthinah (Ibnu Khaldun, 1979).

Ketika Abu ‘Annan menggantikan ayahnya Sultan Abu al-Hasan, Ibnu Khaldun berpeluang mendekatinya sehingga dilantik sebagai salah seorang anggota majlis ilmu dan jemaah solat fardu bersama sultan di Fas. Seterusnya, beliau dilantik sebagai penulis dan penandatanganan bagi pihak sultan. Dengan kedudukannya, beliau berpeluang belajar dan menelaah bersama-sama dengan para ulamak (Ali, 1984).

Ibnu khaldun pernah menjawat jawatan Ketua Hakim (*Qadhi al-Qudha*) Mazhab Maliki selama beberapa tahun. Seorang hakim memerlukan penguasaan di dalam bidang pengajian Islam yang pelbagai dan kefahaman yang jitu yang membolehkannya meletakkan nas-nas syarak dalam bentuk undang-undang dengan realiti masyarakat. Lebih-lebih lagi, pelantikan ini berlaku di negeri Mesir yang sedang mengalami perkembangan ilmu yang pesat dan menjadi tumpuan ulamak dan penuntut ilmu (Hani Muhammad, 2012).

Politik dan kuasa tidak pernah menjadi matlamat Ibnu Khaldun. Beliau bergelumang selama 25 tahun dengan menjawat pelbagai jawatan. Bermula sebagai penulis kepala surat pada masa Ibnu Tafrakin sehinggalah kepada *Hijabah* ketika mengembara pertama kali ke Andalus. Suatu kedudukan yang kedua tertinggi selepas Sultan yang menyerupai jawatan Perdana Menteri pada masa ini. Semuanya bukan kehendak dan tujuan hidup akan tetapi kesempatan dalam keadaan terdesak dalam memenuhi cita-cita menimba ilmu di dada sebanyak mungkin yang membawanya ke arah itu (Ali, 1984).

### 3. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Ibnu Khaldun diiktiraf sebagai tokoh yang menguasai pelbagai ilmu khususnya ilmu-ilmu selain syariah seperti sejarah, psikologi dan falsafah. Ini memandangkan kepada karya besarnya di dalam bidang tersebut. Bahagian ini akan menonjolkan pendedahan atau keilmuannya di lapangan syariah sekaligus menunjukkan penguasaan dan kefahamannya yang mendalam. Manakala pengajiannya dalam bidang hadith akan dinyatakan dalam bahagian seterusnya.

Dengan dorongan bapa, Ibnu Khaldun bermula dengan mempelajari al-Quran. Selain daripada menghafal, beliau mempelajari Qiraat dan Rasm al-Quran dengan gurunya Muhammad bin Saad bin Bursal al-Ansari. Pengajian ini menggunakan matan yang dihafal iaitu *al-Lamiyyat Fi al-Qiraat* dan *al-Raiyyah Fi al-Rasm* susunan al-Syatibi. Beliau berjaya menguasai Qiraat Tujuh dan Qiraat Ishaq bin Yaaqub iaitu salah satu daripada tiga qiraat yang melengkapkan keseluruhan Qiraat Sepuluh (Muhammad al-'Adil, 2006).

Bahasa arab adalah pelajaran utama yang diberikan perhatian. Antara kitab yang dipelajari pada usia remaja ialah *Tashil al-Qawaid* tulisan Ibn Malik, *Syarh al-Tashil* oleh gurunya al-Hasoyiri, *al-Mu'allaqat*, *Diwan Abi Tammam*, *Syair al-Mutanabbi*, syair-syair daripada Kitab *al-Aghani*. Guru-gurunya ialah ayahnya sendiri Muhammad bin Muhammad, Muhammad bin Saad bin Bursal, Muhammad bin al-'Arabi al-Hasoyiri, Ahmad bin al-Qassar, Muhammad bin Bahr, Muhammad bin Ibrahim al-Abily dan lain-lain (Muhammad al-'Adil, 2006).

Guru yang memberi kesan mendalam terhadap keperibadian dan pemikiran sarjana ini ialah Ibrahim bin Muhammad al-Abily yang mengajarnya beberapa ilmu khususnya Tauhid atau Usuluddin dan Falsafah. Al-Abily merupakan murid Abu Abdillah al-Razi, ulamak dan pemikir ulung dalam ilmu-ilmu Islam seperti Usuluddin dan Falsafah. Beliau telah mempelajari kitab gurunya berjudul *Muhassal Afkar al-Mutaqaddimin Wa al-Mutaakhirin Min al-'Ulamak Wa al-Hukama Wa al-Mutakallimin*. Kitab ini telah diajar kepada Ibnu Khaldun sehingga beliau mampu membuat ringkasan kepada kitab pada umur 19 tahun dengan judul *Lubab al-Muhassal Fi Usul al-Din* (Muhammad al-'Adil, 2006).

Al-Abily juga mengajar beliau usul fiqh menggunakan kitab *Mukhtasar Ibn al-Hajib Fi Usul al-Fiqh*. Ia adalah ringkasan Ibn al-Hajib terhadap kitab *Al-Ihkam* karangan Al-Amidy. Pada mulanya, Ibn al-Hajib telah membuat ringkasan yang agak tebal dikenali dengan *al-Mukhtasar al-kabir*. Kemudian, ia diringkaskan lagi sehingga menjadi tumpuan para pelajar di Andalus dan Arab Mahgrib. Sumber sejarah menyebut beberapa orang fuqaha' mempelajari usul fiqh daripada Ibnu Khaldun seperti Abdullah bin Miqdad al-Afqahisi (Fuad, 1996). Ibnu Ammar menyebut pengajaran Ibnu Khaldun dalam usul fiqh mengikut cara Mutaqaddimin sekaligus menyanggah cara Mutaakhirin seperti pengarang kitab *Syarh al-Muntaha al-Usuli* (Ali, 1984).

Muhammad bin Saad bin Burreal al-Ansari, Muhammad bin Jabir bin Sultan al-Qissi, Muhammad bin Abdullah al-Jiyani, Abu al-Qasim Muhammad al-Qasir dan beberapa yang lain adalah guru fiqh maliki kepada Ibnu Khaldun. Kitab-kitab yang dipelajarinya ialah *Mukhtasar Ibn al-Hajib Fi al-Fiqh*, *Syarh Mukhtasar Ibn Abd Salam*, *Syarh Mukhtasar Ibn Harun*, *al-Mudawwanah* karangan Shanun, *Mukhtasar al-Mudawwanah* susunan Abu Said al-Baradai dan lain-lain. Semasa menetap di Mesir, beliau adalah pengajar fiqh maliki beserta ilmu-ilmu lain di madrasah al-Qamhiyyah dan al-Barquqiyyah (Hani Muhammad, 2012).

Selain daripada yang disebutkan, beliau juga mempelajari ilmu-ilmu syariah yang lain seperti ulum quran, tafsir, hadith dan ilmu-ilmu falsafah seperti mantik dan sebagainya.

#### **4. KEILMUAN DALAM BIDANG HADITH**

Kedudukan Ibnu Khaldun di dalam ilmu hadith tidak meletakkannya sebagai *Muhaddith* atau setaraf ulamak-ulamak hadith pada zamannya. Walaupun begitu, beliau seorang perawi, menghafal hadith-hadith, mempelajari dan mengajar kitab hadith (al-Jawaby, 1994).

Beliau meriwayatkan hadith daripada guru-gurunya seperti Ibn Abd al-Muhin al-Hadhrami dan Muhammad bin Jabir al-Wadi Aasyi tokoh hadith di Tunisia. Kitab hadith yang dipelajari dan diriwayatkan daripada gurunya ialah kutub al-Sittah dan al-Muwattha' (al-Jawaby, 1994).

*Al-Muwattha'* diriwayatkan daripada ramai guru. Kemungkinan besar disebabkan kitab yang penting bagi dalil-dalil fekah dan kitab hadith utama dalam mazhab Maliki yang menjadi pegangan Ibnu Khaldun. Di dalam biografi *al-Takrif bi Ibn Khaldun*, beliau menyebut sanad-sanadnya sehingga sampai kepada Imam Malik penyusun *al-Muwattha'*. Sebahagian besar kaedah beliau mengambil periwayatan adalah *sama' dan qiraah* iaitu kaedah mengambil riwayat yang paling kuat dan teliti (Ibnu Khaldun, 1979).

Beliau mempelajari kitab syarah hadith *al-Taqassi Li Ahadith al-Muwattha'* karangan Ibn Abd al-Barr. Kitab ini adalah ringkasan daripada kitab syarah hadith yang sangat besar yang ditulis oleh pengarang yang sama. Ibnu Khaldun mempelajarinya daripada Muhammad bin Saad bin Burreal al-Ansari (Ali, 1984).

Beliau turut mempelajari ilmu usul hadith daripada kitab *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith* yang dikarang oleh Ibn Solah. Kitab ini adalah salah satu kitab-kitab terawal yang sangat penting di dalam bidang tersebut (Ali, 1984).

Semasa tinggal di Kaherah, Ibnu Khaldun dilantik sebagai pengajar hadith di Madrasah al-Amir Sarghathmash. Beliau mengajar *al-Muwattha'* yang mendapat sambutan orang dan menerima pujian ramai. Madrasah ini antara pusat pengajian tinggi terkemuka di Mesir (Ibnu Khaldun, 1979).

### **5. Kepimpinan Al-Asabiyyah al-Ghalibah Dalam Politik**

#### **5. 1 Takrif Dan Pengertian Al-Asabiyyah al-Ghalibah**

Menurut kamus-kamus bahasa Arab seperti *Lisan al-Arab*, *Qamus al-Wasith*, *Mu'jam al-Raid* dan lain-lain, *Al-Asobiyyah* adalah Kata Terbitan yang bermaksud antaranya; memberi perlindungan, memberi perlindungan kepada orang yang mempunyai hubungan dan kaum kerabat daripada sebelah ayah (Mas'ud, 1992). *Al-Ghalibah* pula ialah *Isim Fail* yang daripada Kata Kerja *Ghalaba* (غلب) yang bermaksud “menang”, “kuat” dan “dominan” (Ibrahim Mustafa, 2004).

Maksud istilah ‘*Al-Asobiyyah*’ menurut Ibnu Khaldun seperti mana yang dirumuskan oleh pengkaji-pengkaji selepasnya ialah ‘pertalian atau ikatan yang mengikat sekumpulan individu samada ikatan tersebut berbentuk ikatan kekeluargaan atau sumpah setia yang membawa kepada memberikan bantuan kepada sesama individu dan kumpulannya’ (A. Izzuddin, 2017). *Al-Asabiyyah al-Ghalibah* ialah puak atau bangsa yang kuat dan dominan serta mempunyai pengaruh yang besar dan dihormati dalam sesebuah negara dan istilah ini boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan ‘Bangsa Berpengaruh’ atau ‘Bangsa Dominan’.

### 5.2 Maksud Kepimpinan *al-Asabiyyah al-Ghalibah* Dalam Politik

Kepimpinan *al-Asabiyyah al-Ghalibah* (Bangsa Berpengaruh) dalam politik bermaksud ketua sesebuah negara dan teraju utama pentadbirannya. Semasa menghuraikan konsep ini, Ibnu Khaldun menyatakan ketua negara yang dilantik daripada *al-Asabiyyah al-Ghalibah* menghasilkan ketaatan bangsa-bangsa lain yang hidup bersama-sama seterusnya mengekalkan keamanan dan kestabilan (Ibn Khaldun, 1993). Pelantikan ketua negara daripada *al-Asabiyyah al-Ghalibah* semata-mata tanpa kepimpinan lain yang menyokongnya tidak akan menjadikan ketua tersebut dalam keadaan yang kuat seterusnya tidak dapat mencapai maksud dan tujuan yang dikehendaki. Oleh yang demikian, maksud ketua negara mestilah merangkumi kepimpinan yang berada disekelilingnya.

### 5.3 Huraian Dan Pendalilan

Konsep ini dikemukakan oleh Ibn Khaldun dalam memahami hadith-hadith yang mensyaratkan keturunan Quraisy sebagai ketua negara di dalam bahagian pertama bukunya yang bertajuk *Kitab Al-'Ibar Wa Diwan Al-Mubtada' Wa Al-Khabar Fi Ma'rifat Ayyam Al-'Arab Wa Al-'Ajam Wa Al-Barbar Waman 'Asarahum Min Zawi Al-Sultan Al-Akbar*. Bahagian pertama tersebut dikenali dengan nama *Muqaddimah Ibn Khaldun* (Ibn Khaldun, 1993).

Di dalam bukunya, “Bab Dua Puluh Enam: Mengenai Perselisihan Umat Pada Hukum Jawatan Ini Dan Syarat-Syaratnya” (Ibn Khaldun, 1993), beberapa hadith telah dibawakan:

عن أنس بن مالك أنّ رسول الله قال: الأئمة من قريش.

Maksud: Daripada Anas bin Malik RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: pemimpin daripada Quraisy (al-Baihaqi, 2003).

قال ابن عمر رضي الله عنه: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لا يزال هذا الأمر في قريش ما بقي منهم اثنان.

Maksud: Ibnu ‘Umar berkata: Rasulullah SAW bersabda: urusan (pemerintahan) ini akan tetap pada Quraisy selagi mana ada daripada mereka itu dua orang (Muslim, 1998).

Kemudian, beliau telah menghuraikannya dengan berkata: “sesungguhnya hukum hakam syariat keseluruhannya tidak dapat tidak mempunyai maqasid dan hikmah yang meliputinya dan disyariatkan dengan sebabnya. Dan kami apabila mencari hikmah dalam pensyarahan keturunan Quraisy dan tujuan syarak daripadanya, ia tidak terbatas dengan sekadar mengambil berkat dengan pertalian darah Nabi SAW seperti mana yang masyhur dikatakan itu. Dan sekalipun pertalian keturunan itu wujud dan mengambil berkat itu boleh terhasil,

tetapi mengambil berkat bukanlah daripada maqasid syariat seperti mana yang anda ketahui. Maka, mestilah terdapat masalah yang dimaksudkan daripada pensyarian syarat keturunan itu. Apabila kami memilih dan membahagi-bahagikan (*al-Sabr Wa al-Taqsim*), kami tidak mendapati melainkan *al-asobiyyah* yang membolehkan perlindungan dan membuat sebarang tuntutan. Perselisihan dan perpecahan akan hilang dengan kewujudannya (*al-Asobiyyah*) pada pemegang jawatan lantaz agama dan penganutnya menjadi tenteram dan teraturlah jalinan keserasian dengannya” (Ibn Khaldun, 1993).

Beliau turut berkata: “maka apabila telah terbukti bahawa syarat keturunan Quraisy hanya untuk mengelakkan pertelingkahan kerana mereka mempunyai *al-asobiyyah* dan dominan, dan kita mengetahui bahawa syarak tidak membataskan hukum hakam pada satu generasi, zaman dan bangsa tertentu, kita mengetahui berlaku demikian itu (pelantikan ketua negara) hanya kerana kelayakan, maka kita mengembalikannya (pertimbangan) kepadanya (kelayakan tersebut), dan kami membataskan ‘illah yang ada yang dimaksudkan daripada keturunan Quraisy itu ialah wujudnya *al-asobiyyah*. Maka kita mensyaratkan orang yang memegang urusan kaum muslimin adalah dia daripada kaum yang mempunyai *al-asobiyyah* yang kuat lagi dominan ke atas orang-orang lain pada zaman tersebut, untuk mereka memperolehi ketaatan orang lain dan kalimah akan bersatu padu bagi mewujudkan pertahanan yang kukuh” (Ibn Khaldun, 1993).

Syarat keturunan Quraisy hanya terpakai pada zaman tersebut memandangkan suasana pada ketika itu yang mana Quraisy merupakan kabilah yang besar, berpengaruh dan paling dihormati di kalangan orang Arab. Ketua negara yang dipilih dari kalangan Quraisy akan meletakkan negara dalam keadaan yang stabil tanpa sebarang pemberontakan dan huru hara kerana rakyat memberikan ketaatan sepenuhnya (A. Izzuddin, 2017).

Dalil qiyas telah digunakan untuk mengemukakan tafsiran tersebut. Beliau menggunakan Kaedah Pengeluaran ‘illah Secara Ijtihad (*Masalik al-‘Illah al-Ijtihadiyyah*) iaitu kaedah *Al-Sabr Wa Al-Taqsim* (al-Saa’di, 2000).

Maksud *Al-Taqsim* ialah membahagi-bahagikan dan *Al-Sabr* ialah menguji. Proses *al-Taqsim* ialah menyenaraipendek beberapa “ciri” atau “faktor” untuk dijadikan ‘illah bagi sesuatu hukum. Proses *Al-Sabr* pula ialah menguji “ciri” atau “faktor” yang telah disenaraipendek untuk diuji samada ia benar-benar sesuai dijadikan sebagai ‘illah atau pun tidak (al-Saa’di, 2000).

*Al-Taqsim* adalah proses yang pertama dan seterusnya adalah *al-Sabr*. Berdasarkan ilmu Balaghah bahasa Arab, sesuatu yang lebih penting akan disebut dahulu. Kerana itu kaedah ini dinamakan dengan *Al-Sabr Wa Al-Taqsim* disebabkan proses *Al-Sabr* adalah lebih penting dan kritikal untuk menilai kelayakan dan kesesuaian “ciri” yang boleh dijadikan sebagai ‘illah (al-Qarafi, 2004).

Setelah meneliti hadith-hadith yang menyebut tentang keturunan Quraisy sebagai syarat pelantikan ketua negara, Ibnu Khaldun menyatakan terdapat dua ‘illah yang mungkin mendasari hukum tersebut. Pertama ialah *al-Tabarruk* iaitu mengambil keberkatan dan kedua ialah *Al-Asobiyyah* atau *Al-Asabiyyah al-Ghalibah* iaitu bangsa yang kuat dan dihormati yang membolehkan ketua negara memperolehi ketaatan rakyat sekaligus mengekalkan kestabilan negara. Daripada kedua-dua ‘illah ini, *al-Tabarruk* telah ditolak kerana ia tidak termasuk dalam Maqasid Syariah. Oleh itu, *al-Asabiyyah al-Ghalibah* yang menjadi faktor kestabilan negara adalah satu-satunya ‘illah yang terpakai.

Ibnu Khaldun juga berdalilkan dengan hadith yang menunjukkan ‘*iktibar* dan kepentingan *al-Asobiyyah*, kekeluargaan dan puak –sekali pun mereka adalah kafir- dalam mencapai masalah yang dikehendaki oleh agama seperti melindungi dakwah daripada dimudaratkan oleh sesiapa

yang berniat jahat. Oleh sebab itu para Nabi AS dibangkitkan dari kalangan mereka yang mempunyai kedudukan dari kaum mereka. Terdapat hadith yang mengisyaratkan perkara ini (Ibn Khaldun, 1993).

عن أبي هريرة عن النبي: قال لوط: لو أن لي بكم قوة، أو أوي إلى ركن شديد، قال: قد كان يأوي إلى ركن شديد، ولكنه عنى عشيرته، فما بعث الله عز وجل بعده نبيا إلا بعثه في ذروة قومه.

Maksud: Daripada Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW: Luth telah berkata: kalaulah aku mempunyai kekuatan menghadapi mereka atau aku berlindung dengan tempat bertahan yang kukuh. Baginda SAW berkata: sesungguhnya Dia telah bertahan dengan tempat yang kukuh, akan tetapi dia menghadapi masalah daripada kabilahnya. Maka tidaklah Allah Azza wa jalla mengutuskan seorang Nabi selepasNya melainkan dengan kekuatan daripada kabilahnya (Hadith no. 10903) (Ahmad, 2004).

Hadith lain yang dijadikan sebagai dalil ialah hadith yang menggalakkan mengetahui nasab keturunan.

عن أبي هريرة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: تعلموا من أنسابكم ما تصلون به أرحامكم، فإن صلة الرحم محبة في الأهل مثراة في المال، منسأة في الأثر.

Maksud: pelajarilah kamu akan nasab kamu yang membolehkan kamu berbuat baik kepada kaum kerabat. Sesungguhnya berbuat baik kepada kaum kerabat menimbulkan kasih sayang ahli keluarga, membanyakkan harta dan melambatkan ajal (Hadith no 1979) (al-Tirmizi, 1999).

Ketika menghuraikan maksud hadith ini beliau berkata: “sesungguhnya, nasab faedahnya adalah keakraban yang menyebabkan silaturahim sehingga membangkitkan bantu membantu dan laungan meminta tolong” (Ibn Khaldun, 1993).

Nu‘aim Hudhud menyanggah pandangan Ibnu Khaldun di dalam bukunya *Fiqh al-‘Allamah Ibn Khaldun Fi al-Imamah Wa al-Khilafah*. Katanya, “tujuan mengetahui susur galur keturunan ialah membangkitkan bantu membantu dan laungan meminta tolong adalah tidak benar. Ini kerana Allah menjadikan nasab supaya diketahui kaum kerabat untuk berbuat baik, memberi nafkah wajib dan terhasilnya pemberian pusaka di antara mereka dan supaya tidak bercampur (dalam perkahwinan) lantas ia akan merosakkan yang mana diharamkan berkahwin dengan kaum kerabat (yang tertentu)”. Dalilnya ialah bahagian akhir hadith itu sendiri yang menyatakan dengan jelas manfaatnya iaitu “menimbulkan kasih sayang ahli keluarga, membanyakkan harta dan melambatkan ajal” (Nu‘aim Hudhud, 2011).

Terdapat *athar* yang menyokong pendapat Ibnu Khaldun iaitu kata-kata Abu Bakar RA semasa peristiwa Saqifah Bani Saidah. Semasa golongan Ansar mahu melantik Saad bin ‘Ubadah menjadi ketua negara selepas kewafatan Nabi SAW, Abu Bakar RA telah berhujah:

قد عرفتم أن هذا الحي من قريش بمنزلة من العرب ليس بها غيرهم، وأن العرب لن تجتمع إلا على رجل منهم.

Maksud: sesungguhnya kamu mengetahui bahawa golongan ini daripada kabilah Quraisy mempunyai kedudukan di sisi orang Arab yang tidak ada pada selain mereka. Dan sesungguhnya orang Arab tidak akan berhimpun melainkan di atas seorang lelaki daripada mereka (Hadith No. 55567) (Ibn Abi Syaibah, 2004).

Ini menunjukkan pelantikan orang Quraisy menjadi Ketua Negara pada waktu tersebut kerana faktor ketaatan bangsa Arab kepada kabilah Quraisy. Hukum akan berubah apabila keadaan ini berubah.

Walaupun bagaimanapun akal dan naluri yang sihat tidak dapat menyangkal ikatan kekeluargaan akan menguatkan perasaan seseorang untuk memberikan bantuan dan pertolongan, sekalipun



kita mungkin tidak bersetuju dengan tafsiran Ibnu Khaldun terdapat hadith di atas. Ia adalah fitrah semulajadi manusia.

فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ

Maksud: (tetaplah atas) fitrah Allah yang Dia telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah (Al-Quran 30: 30).

Makna umum daripada ayat ini menunjukkan fitrah yang ditetapkan oleh Allah SWT di dalam kejadian manusia tidak mungkin berubah. Ini dapat difahami kerana kaedah pendalilan yang menyatakan pengajaran daripada nas adalah daripada lafaz yang umum dan bukannya dengan sebab-sebab yang khusus (*al-'Ibrah Bi 'Umum al-Lafz La Bi Khusus al-Sabab*) melainkan terdapat konteks ayat (*Siyaq*) dan (*Qarinah*) yang mengkhususkan makna ayat. Tafsiran 'fitrah' di dalam ayat ini dijelaskan oleh Ibnu 'Ashur iaitu sesuatu yang ditetapkan, diciptakan dan cara yang dibuat oleh Allah di dalam manusia (Ibn 'Asyur, 1984). Contohnya ialah Allah SWT menetapkan manusia berjalan menggunakan kaki dan jika manusia itu mahu mengubahnya dengan menjadikan kaki sebagai anggota yang mengambil barang maka ia adalah bersalahan dengan fitrah. Nas-nas syariat ternyata tidak bercanggah dengan naluri atau fitrah manusia yang sihat. Jika secara zahirnya terdapat percanggahan, ia terhasil kerana dua perkara. Pertama, kesilapan dalam menilai nas samada dari sudut pensabitan atau takwilan. Kedua, kesilapan yang berlaku pada naluri manusia seperti kerosakan dan kesongsangan sehingga naluri tersebut bukan lagi dianggap naluri yang sihat (al-Thorifi, 2017).

#### **5.4 Ciri-Ciri al-Asabiyyah al-Ghalibah**

Sekurang-kurangnya terdapat dua ciri asas *al-Asabiyyah al-Ghalibah* iaitu; pertama: bangsa yang kuat dan berpengaruh, dan kedua: kemampuan memperolehi ketaatan rakyat dan mengekalkan keamanan dan kestabilan.

Ini difahami dengan jelas apabila Ibnu Khaldun menyatakan “Qurasiy adalah kabilah yang paling kuat daripada puak Mudhar dan asal usul mereka dan kumpulan yang dominan daripada mereka. Mereka mempunyai kemuliaan ke atas sekalian Mudhar kerana ramai, kuat dan kebangsawanan. Seluruh orang Arab mengiktiraf mereka kerana itu dan mereka merasa aman dengan dominasi mereka. Kalau urusan ini diberikan pada selain mereka akan berlakulah perpecahan kalimat kerana orang menyanggah dan tidak patuh. Tiada siapa daripada puak Mudhar selain mereka mampu mengelakkan perselisihan dan tidak membawa mereka kepada huru hara lalu berpecahlah jemaah dan berselisihlah kalimat” (Ibn Khaldun, 1993).

#### **5.5 Aplikasi Konsep Al-Asabiyyah Al-Ghalibah: Orang Melayu Di Malaysia**

Di dalam konteks Malaysia, orang Melayu menepati dua ciri *al-Asabiyyah al-Ghalibah* iaitu yang pertama ialah bangsa yang kuat dan berpengaruh, dan yang kedua ialah kemampuan menyatupadukan pelbagai etnik dan memperolehi ketaatan rakyat yang mengelakkan sebarang konflik seterusnya mengekalkan keamanan dan kestabilan. Ini berdasarkan kepada tiga faktor yang ada pada kedudukan mereka. Pertama; bilangan yang majoriti. Kedua; pengiktirafan etnik-etnik lain yang hidup bersama-sama mereka. Ketiga; pengaruh di dalam institusi kerajaan (A. Izzuddin, 2018).

Orang Melayu adalah penduduk majoriti di negara ini. Mereka turut mewakili 90% penduduk Islam secara keseluruhannya. Hubungan erat di antara Islam dan Melayu telah terjalin sejak 500 tahun yang lalu seperti mana yang telah dijelaskan oleh ramai pengkaji (A. Izzuddin, 2017).

Etnik-etnik lain memperakui Melayu Islam mereka sebagai penduduk pribumi sehingga diadakan perjanjian atau kontrak sosial yang menjadi asas perlembagaan. Etnik Cina dan India telah mengiktiraf kedudukan orang Melayu sebagai penduduk asal atau Bumiputra yang mana kedudukan mereka telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan dengan diberikan hak-hak Istimewa sebagai pertukaran terhadap kesudian mereka menerima kaum pendatang sebagai warganegara. Kesedaran tentang hal ini semakin berkurangan di kalangan generasi baru bahkan ada di antara mereka tidak memberikan perhatian yang serius seperti sebelumnya. Namun begitu secara prinsip ia adalah perkara yang diterima pakai dan dipersetujui dan tidak ditentang secara terang-terangan kerana nenek moyang mereka telah bersepakat di atas asas ini ketika negara moden Malaysia ditubuhkan (A. Izzuddin, 2017).

Orang Melayu berpengaruh dan menjadi tunjang pentadbiran penguasaan dalam institusi-institusi pentadbiran, ketenteraan dan raja-raja. Perlembagaan juga menjamin kedudukan mereka dari sudut politik, kemasyarakatan sekali pun wujudnya pertambahan bilangan ahli parlimen dan menteri bukan Islam serta penguasaan orang Cina bukan Islam terhadap ekonomi (A. Izzuddin, 2018).

### 5.5.1 Faktor-Faktor Lain Yang Menguatkan Keperluan *Al-Asabiyyah Al-Ghalibah* Di Malaysia

Malaysia adalah negara berbilang kaum dan agama. Secara umumnya, orang Melayu adalah beragama Islam. Perlembagaan mentakrifkan Melayu sebagai seorang yang beragama Islam, mengamalkan adat istiadat Melayu dan bertutur di dalam bahasa Melayu. Meletakkan bangsa Melayu Islam sebagai *al-Asabiyyah al-Ghalibah* akan menjamin kedudukan agama dan survival umat daripada diganggu gugat. Ini bertepatan dengan *Maslahah* (Kepentingan Umum) yang merupakan salah satu dalil syarak. Ia merupakan *Maslahah Mu'tabarah* (kepentingan yang diiktiraf oleh syarak).

Melayu Islam sebagai *al-Asabiyyah al-Ghalibah* turut bertepatan dengan *Sadd al-Zarai'* (menutup jalan) yang juga merupakan salah satu dalil syarak. Ini kerana demokrasi dan pilihanraya membolehkan pelantikan bukan Islam dalam pentadbiran sewenang-wenangnya. Sekalipun Islam membenarkan pelantikan ini, ia bukanlah sehingga mencairkan kedudukan Islam dan penguasaan orang Islam. Ini dapat difahami daripada kitab-kitab fekah yang membincangkan tajuk ini. Konsep ini menutup kemungkinan kuasa politik akan berpindah kepada tangan bukan Islam (al-Ramly, 1984).

### 5.5.1 *Al-Asabiyyah Al-Ghalibah* Melayu Islam Di Malaysia Bukan *Asabiyyah* Yang Terlarang

*Al-Asabiyyah Al-Ghalibah* Melayu Islam bukannya *assabiyyah* atau perkauman yang dilarang oleh Islam. Ini kerana maksud *assabiyyah* ialah mendahulukan kaum berbanding agama dan membantu kaum sendiri sekalipun mereka bertindak salah dan zalim. Mendahulukan Islam dan Melayu dalam pemerintahan dan politik tidak menzalimi bangsa lain. Hadith menyebut:

عن بنت وائلة بن الأسقع أنها سمعت أباها يقول: قلت يا رسول الله: ما العصبية، قال: أن تعين قومك على الظلم.

Daripada anak perempuan Wathilah bin al-Asqa', sesungguhnya beliau telah mendengar ayahnya berkata: beliau (Wathilah bin al-Asqa') berkata: aku telah berkata: wahai Rasulullah, apakah *asabiyyah*, Baginda SAW berkata: engkau menolong kaummu di atas kezaliman (Riwayat Abu Dawud) (Abu Dawud, 1999).

Menggunakan *Al-Asabiyyah Al-Ghalibah* Melayu Islam untuk mempertahankan Islam dan menguatkan kedudukan penganutNya adalah perkara yang dituntut dan bukan *asabiyyah*.

Sebaliknya, menggunakan hak istimewa Melayu sehingga membelakangkan Islam dan hukum hakam adalah haram.

## 6. KESIMPULAN

Keilmuan Ibnu Khaldun dalam bidang hadith tidak menjadikannya *Muhaddith* atau setaraf ulamak hadith yang lain. Namun, beliau seorang perawi, mempelajari dan mengajar hadith. Kitab-kitab hadith yang diriwayatkan ialah Kutub al-Sittah dan al-Muwattha' daripada gurugurunya seperti Ibn Abd al-Muhin al-Hadhrami dan Muhammad bin Jabir al-Wadi Aasyi. Ibnu Khaldun pernah mengajar hadith di di Madrasah al-Amir Sarghathmash.

Fiqh hadith *al-Asabiyyah al-Ghalibah* berdasarkan hadith-hadith yang mensyaratkan keturunan Quraisy sebagai Ketua Negara yang tertinggi. Ibnu Khaldun menyatakan, terdapat dua '*illah*' daripada hadith-hadith tersebut. Pertama; mengambil berkat daripada keturunan Nabi SAW. Kedua; Quraisy adalah puak yang paling ramai, kuat dan dihormati yang membolehkannya mendapatkan ketaatan rakyat dan mengekalkan keamanan. '*Illah* pertama yang dinamakan *al-Asabiyyah* atau *al-Asabiyyah al-Ghalibah* (Bangsa Berpengaruh) adalah lebih kuat. Ini kerana '*illah* kedua tidak termasuk dalam maqasid syariah. Terdapat *athar* daripada Abu Bakar RA yang menyokong pendapat ini yang berbunyi: 'Sesungguhnya kamu mengetahui bahawa golongan ini daripada kabilah Quraisy mempunyai kedudukan di sisi orang Arab yang tidak ada pada selain mereka. Dan sesungguhnya orang Arab tidak akan berhimpun melainkan di atas seorang lelaki daripada mereka'.

Orang Melayu di Malaysia menepati dua ciri *al-Asabiyyah al-Ghalibah* iaitu yang pertama ialah bangsa yang kuat dan berpengaruh, dan yang kedua ialah kemampuan menyatupadukan pelbagai etnik seterusnya mengekalkan keamanan. Ini berdasarkan kepada tiga faktor iaitu pertama; bilangan yang majority, kedua; pengiktirafan etnik-etnik lain yang hidup bersama-sama mereka dan ketiga; pengaruh di dalam institusi kerajaan.

Dalam masa yang sama, konsep ini bertepatan dengan *Maslahah* (Kepentingan Umum) dan *Sadd al-Zarai'* (menutup jalan) yang merupakan dalil syarak. Ia menjamin kedudukan Islam daripada ancaman dan menutup menutup kemungkinan kuasa politik akan diganggu gugat. Ia juga bukan *al-Asabiyyah* yang terlarang kerana maksud *al-Asabiyyah* tersebut ialah membantu kaum sendiri di atas kezaliman.

## Rujukan

- A. Izzuddin, A. B. (2017). Taqdim Sya'b al-Malayu al-Muslim Fi al-Sultah al-Siyasiyyah Fi Maliziya: Tahlil Wa Tathbiq Ara' Ibn Khaldun Fi Ahadith Al-Qurasyhiyyah Fi al-Imamah. *Journal of Hadith*, 33-45.
- A. Izzuddin, A. B. (2018). Al-Asabiyyah Al-Ghalibah Sebagai Maksud Kemampuan Mencegah Mungkar Pemerintah Dalam Hadith Nabi Saw Serta Analisis Kepentingan Melayu Dalam Reformasi Politik Malaysia. *Journal Of Hadith Studies*, 14.
- Abu Dawud, S. b.-A. (1999). *al-Sunan*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ahmad, b. M. (2004). *al-Musnad*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Baihaqi, A. b. (2003). *al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ali, A. W. (1984). '*Abqariyyat ibn Khaldun*. Jeddah: Maktabah 'Ukkaz.

- al-Jawaby, M. a.-T. (1994). Ta'amul Ibn Khaldun Ma'a al-Hadith al-Nabawi al-Sharif. *Majallah Jami'ah al-Amir 'Abdul Qadir Li al-'Ulum al-Islamiyyah*, 121.
- al-Qarafi, A. b. (2004). *Syarh Tanqih al-Usul Fi Ikhtisar al-Mahsul*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Ramly, M. b. (1984). *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Saa'di, A. H. (2000). *Masalik al-'Illah 'Inda al-Usuliyyin*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- al-Thorifi, A. A. (2017). *al-Tafsir Wa al-Bayan Li Ahkam al-Quran*. al-Riyadh: Dar al-Manhaj.
- al-Tirmizi, M. b. (1999). (1999), *al-Jami' al-Mukhtasar Min al-Sunan 'An Rasulillah SAW Wa Ma'rifah al-Sahih Wa al-Ma'lul Wa Ma 'Alaihi al-'Amal*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Fuad, A. M. (1996). *Ibn Khaldun Wa Risalatuhu Li al-Qada' Muzil al-Mulam 'An Hukkam al-Anam*. al-Riyadh: Dar al-Wathan.
- Hani Muhammad, A. S. (2012). *Ibn Khaldun Faqih*. Nablus: Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah.
- Ibn Abi Syaibah, A. b. (2004). *al-Musannaf Fi al-Ahadith Wa al-Athar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Asyur, M. b. (1984). *al-Tahir Wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah Li al-Nashr.
- Ibn Hazm al-Andalusi, A. b. (n.d). *Jamharah Ansab al-'Arab*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Khaldun, A. R. (1993). *al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Khaldun, A. R. (1979). *Al-Takrif B Ibn Khaldun Wa Rilatuhu Gharban Wa Syarqan*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Ibrahim Mustafa, A. a.-Z.-N. (2004). *al-Mu'jam al-Wasith*. Beirut: Maktabah al-Syuruq al-Dawliyyah.
- Mas'ud, J. (1992). *Mu'jam al-Raid*. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayin.
- Muhammad al-'Adil, L. (2006, Mac 1). Retrieved November 3, 2018, from Minbar Hurr Li Thiqafah Wa al-Fikr Wa al-Adab: <http://www.diwanalarab.com/spip.php?article3548>
- Muslim, b. a.-H. (1998). *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar Min al-Sunan Binaql al-'Adl 'An al-'Adl Ila Rasulillah SAW*. al-Riyadh: Bait al-Afkar al-Duwaliyyah.
- Nu'aim Hudhud, H. M. (2011). *Fiqh al-'Allamah Ibn Khaldun Fi al-Khilafah Wa al-Imamah*. Nablus: Jami'ah al-Najah al-Wataniah.
- Studies, T. C. (2000). *al-Quran al-Karim*. al-Madinah: Syarikah Fuad al-Bai'nu.